



INTERNATIONAL JOURNAL OF
CREATIVE INDUSTRIES
(IJCREI)
www.ijcrei.com



**KAEDAH LANGSUNG DAN KAEDAH TAK LANGSUNG
SEBAGAI STRATEGI KOMUNIKASI DALAM KARTUN**

*DIRECT METHOD AND INDIRECTNESS METHOD: COMMUNICATION
STRATEGY IN CARTOON*

Rohaidah Mashudi^{1*}, Norishamsawati Ishak², Hawa Rahmat³, Faizuniza Mashhod⁴, Isma Suhaila Ismail⁵, J Sham Wahid⁶

¹ Faculty of Applied Communication, Multimedia University (MMU), Melaka, Malaysia
E-mail: idah@mmu.edu.my

² Faculty of Applied Communication, Multimedia University (MMU), Melaka, Malaysia
E-mail: norishamsawati.ishak@mmu.edu.my

³ Faculty of Applied Communication, Multimedia University (MMU), Melaka, Malaysia
E-mail: hawa.rahmat@mmu.edu.my

⁴ Faculty of Information Science and Technology, Multimedia University (MMU), Melaka, Malaysia
E-mail: faizuniza.mashhod@mmu.edu.my

⁵ Faculty of Applied Communication, Multimedia University (MMU), Melaka, Malaysia
E-mail: suhaila@mmu.edu.my

⁶ Pejabat Pendidikan Daerah Melaka Tengah, Ayer Keroh, Melaka, Malaysia
E-mail: jsham1970@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 09.09.2020

Revised date: 11.09.2020

Accepted date: 13.09.2020

Published date: 15.09.2020

To cite this document:

Mashudi, R., Ishak, N., Rahmat, H., Mashod, F., Ismail, I. S., & Wahid, J. S. (2020). Kaedah Langsung dan Kaedah Tak Langsung: Strategi Komunikasi Dalam Kartun. *International Journal of Creative Industries*, 2 (4), 01-12.

Abstrak:

Kartun tidak hanya dilihat sebagai suatu saluran media untuk memberi hiburan kepada masyarakat. Ini kerana kartun memainkan peranan penting sebagai medium penyampai maklumat yang sangat berkesan kepada semua golongan. Mesej dalam kartun disampaikan sama ada melalui penggunaan bahasa dan ilustrasi atau ilustrasi semata-mata daripada seorang kartunis. Paparan ilustrasi dengan penggunaan bahasa dalam kartun di akhbar secara tidak langsung membawa isu semasa dalam pelbagai aspek. Malah melalui ilustrasi ini dapat membantu merangsang idea dan kematangan seseorang dalam menilai suatu mesej. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti penggunaan bahasa sebagai strategi komunikasi dalam kartun dan menghuraikan penggunaan kaedah langsung dan kaedah tak langsung dalam kartun. Hal yang demikian, penggunaan bahasa sebagai strategi komunikasi diteliti berdasarkan penggunaan bahasa yang digunakan dalam kartun iaitu penggunaan bahasa melalui kaedah langsung dan kaedah tak langsung. Kajian dijalankan secara

DOI: 10.35631/IJCREI.24001.

kualitatif melalui pendekatan deskriptif. Data kajian diambil dan dikumpulkan daripada kartun atau ilustrasi yang dihasilkan oleh kartunis Maro dalam kolum Malaysia Kita, Mingguan Malaysia. Ilustrasi yang diambil sebagai data kajian merupakan ilustrasi yang memberi gambaran tentang situasi semasa negara di Mingguan Malaysia pada setiap hari Ahad untuk keluaran bulan Julai dan Ogos pada tahun 2019 dan bulan Ogos 2020. Analisis data dilakukan melalui pendekatan yang dikemukakan oleh Asmah Hj Omar iaitu melalui penelitian terhadap penggunaan bahasa melalui kaedah tak langsung dan penggunaan bahasa melalui kaedah langsung. Hasil kajian ini dapat diperhatikan bahawa kartun dalam akhbar jelas menunjukkan terdapat penekanan dalam dua kaedah ini sebagai strategi komunikasi yang digunakan melalui penggunaan bahasa sebagai suatu cara untuk memastikan mesej yang disampaikan dapat difahami oleh semua pihak. Justeru, penggunaan bahasa melalui kaedah tak langsung ini menjadi pilihan utama dalam penyampaian penceritaan melalui kartun. Kajian bahasa terhadap ilustrasi kartun perlu diberi fokus yang lebih luas lagi kerana masih banyak lagi kekosongan yang perlu diteliti.

Kata Kunci:

Kartun, Ilustrasi, Penggunaan Bahasa, Kaedah Langsung, Kaedah Tak Langsung

Abstract:

Cartoons are not only seen as a media channel to provide entertainment to the community. This is because cartoons play an important role as a very effective medium of information delivery to all groups. The message in the cartoon is conveyed either through the language use and illustrations or mere illustrations from a cartoonist. The display of illustrations with the language used in cartoons in the press indirectly brings current issues in various aspects. Even though these illustrations can help stimulate one's ideas and maturity in evaluating a message. The purpose of this study is to examine language use as a communication strategy in cartoons and describe the use of direct and indirect methods in cartoons. As such, the use of language as a communication strategy is examined based on the language use used in cartoons, namely the language use through direct methods and indirectness methods. The study was conducted qualitatively through a descriptive approach. Study data were taken and collected from cartoons or illustrations produced by Maro cartoonists in the Malaysia Kita column, Mingguan Malaysia. The illustration taken as study data is an illustration that gives an overview of the current situation of the country in Mingguan Malaysia every Sunday for the July and August issues in 2019 and August 2020. Data analysis is done through an approach that presented by Asmah Hj Omar through research on the language use through indirectness methods and the language use through direct methods. The results of this study can be observed that the cartoon in the newspaper clearly shows that there is an emphasis on these two methods as a communication strategy used through language use as a way to ensure that the message conveyed can be understood by all parties. Thus, language use through this indirectness method is the main choice in the delivery of storytelling through cartoons. The study of language on cartoon illustrations needs to be given a wider focus because there are still many vacancies that need to be examined.

Keywords:

Cartoon, Illustration, Language Use, Direct Method, Indirectness Method

Pengenalan

Perkembangan dalam dunia media sosial tidak menolak fungsi kartun sebagai salah satu wadah dalam perkongsian maklumat dan perasaan. Walaupun kini kartun digital telah mengambil tempat dalam kalangan peminat kartun namun ilustrasi kartun di atas kertas tetap menjadi pilihan pembaca akhbar misalnya selepas penat membaca suatu isu yang agak berat bersesuaian kedudukan kolum kartun yang diletakkan dibahagian belakang (Fahmi Faiz, 2020). Ilustrasi kartun boleh memberi mesej yang pelbagai. Ini kerana interpretasi seorang kartunis mungkin berbeza dengan interpretasi pembaca. Interpretasi pembaca terhadap ilustrasi seorang kartunis mungkin berbeza dengan maksud yang ingin disampaikan. Menurut Rohani Embong et al. (2016) tujuan kartun adalah untuk membawa penceritaan atau pengkisahan suatu penceritaan yang selalu disampaikan melalui kartun editorial. Oleh demikian, dengan strategi komunikasi yang tertentu digunakan oleh kartunis dapat menyampaikan mesej kepada pembaca dengan berkesan. Ini kerana strategi komunikasi ditakrifkan oleh Asmah Hj Omar (2010) sebagai cara-cara yang digunakan oleh pemeran yang terlibat dalam peristiwa bahasa berkaitan untuk mencapai tujuan tertentu. Oleh demikian, kartunis melalui ilustrasi kartun menggunakan strategi penggunaan bahasa atau tanpa penggunaan bahasa secara langsung atau tidak langsung dalam menyampaikan atau berkongsi maklumat kepada pembaca.

Kartun dihasilkan sebagai memberi penceritaan tentang suatu perkara sama ada lahir daripada kartunis sendiri atau dari persekitaran. Di samping kesungguhan seorang kartunis dalam menyampaikan mesej positif kepada masyarakat, peranan kartun menurut Mulyadi Mahamood (2012) perlu diperkukuhkan contohnya dalam membantu pembentukan masyarakat Asia agar saling menghormati dan saling memahami sebagai satu-satunya semangat budaya kesatuan dapat diwujudkan. Interpretasi makna dalam sesuatu ilustrasi secara eksplisit membuat penelitian terhadap unsur-unsur bahasa. Ini sudah pasti melibatkan pemahaman makna dalam ilustrasi tersebut melalui konteks tertentu. Bahkan implikatur kepada interpretasi makna ini dapat mengenal pasti tujuan komunikatif sesuatu ilustrasi dalam sesuatu peristiwa bahasa. Seiringan dengan itu seperti yang dinyatakan oleh Sato Hirobumi (1997) bahawa untuk menyatakan sesuatu fikiran dalam wacana, pihak penyampai maklumat dikehendaki menggunakan fungsi penyampaian maklumat dengan seberkesan mungkin supaya pihak penerimanya dapat memahami apakah yang sebenarnya dimaksudkan oleh penyampai itu, bukan sahaja dari segi struktur ayat tetapi juga dari segi konteks situasi ujaran. Maka ini memerlukan kepada tumpuan untuk membuat interpretasi makna bagi setiap ujaran yang disampaikan oleh pemeran dalam suatu ilustrasi kartun untuk setiap kegiatan bahasa. Ini dapat diperhatikan bahawa bahasa dari segi bentuk dan fungsi dalam suatu ilustrasi kartun menjadi komunikasi antara kartunis dan pembaca. Bahkan keberkesanan komunikasi ini mempunyai pertalian dengan komuniti wacana.

Sorotan Literatur

Dalam kajian lepas, ilustrasi kartun turut digunakan dalam bidang pengajaran sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran. Walaupun penggunaan kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu mampu mewujudkan suasana yang seronok dan boleh mempengaruhi emosi murid, namun menurut Abdul Rasid Jamian et al (2016) penggunaan bahan kartun masih lagi tidak popular dalam kalangan guru yang mengajar penulisan karangan sekolah rendah. Ini mungkin kerana masih kurang pendedahan sebagai bahan bantu mengajar. Manakala dalam kajian Norzaliza Ghazali et al (2018) mendapati bahawa aspek-aspek kepelbagaian kaum dan kemajmukan budaya menjadi latar dan intipati kepada karya kartun di Malaysia. Malah elemen-elemen kebudayaan dan warisan tradisi dan

ceritera masyarakat di Malaysia dilakarkan dengan sempurna dalam karya kartun. Dengan elemen sedemikian dapat membantu dalam strategi pengajaran dan pembelajaran.

Ilustrasi kartun digunakan oleh kartunis sebagai suatu strategi dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Justeru, dalam kajian Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun (2019) dikatakan bahawa kartun-kartun dakwah Islam yang dimuat naik oleh para kartunis indie berada di tahap sindiran berbentuk satira, malah terdapat juga beberapa daripadanya mendapat sedikit suntikan sarkastik bagi menguatkan lagi penyampaian visual kartun dan komik masing-masing namun dihiasi dengan penilaian positif. Ini menunjukkan bahawa strategi melalui sindiran sebagai suatu bentuk komunikasi yang diterapkan oleh seorang kartunis untuk memastikan penyampaian mesej yang tidak menyinggung perasaan kepada semua pihak. Manakala perbincangan oleh Syaza Marina Ramli & Mokhtar Muhammad (2019) berkaitan isu 1Malaysia Development Berhad melalui ilustrasi yang disampaikan oleh kartunis Zunar adalah suatu realiti yang sebenar tanpa melanggar peraturan yang kadang kala berlaku dilakukan secara berlebihan oleh kartunis politik yang lain. Ini jelas menunjukkan penggunaan strategi secara langsung yang digunakan oleh Zunar dalam memastikan pembaca benar-benar mendapat mesej yang disampaikan melalui ilustrasi kartun.

Manalaka dalam kajian Ayesha Ashfaq (2019) terhadap dua akhbar dari negara yang berbeza iaitu Pakistan dan Norway mendapati bahawa seharusnya kartun harus berorientasikan mesej dan tujuan, bukan hanya memenuhi formaliti kritikan atau membuat propaganda. Ini kerana masalah sosial dan suara masyarakat perlu diberi perhatian walaupun hanya melalui ilustrasi kartun. Bahkan melalui kartun soal kepercayaan dan hormat menghormati sama ada dalam kalangan masyarakat di negara tersebut dan masyarakat luar perlu juga diambil perhatian dalam kartun dengan melihat latar belakang, nilai sosial, budaya dan sebagainya. Penelitian yang dilakukan oleh Roslina Mamat et al (2019) pula adalah berkaitan tentang penulisan karikatur Jepun yang telah pun bermula semenjak zaman pramoden Jepun sebelum tahun 1600 berbanding komik Melayu yang cuma boleh dirujuk seawal 1950-an. Di samping itu, menurut beliau komik dan animasi Melayu, garis masa yang sesuai untuk membezakan perkembangannya adalah sebelum dan selepas 1980-an, dan disimpulkan bahawa komik Melayu ataupun lakaran berbentuk humor sangat baharu, malah tiada kajian yang signifikan telah dijalankan setakat ini oleh penyelidik tempatan. Dengan kajian perbandingan sedemikian dapat dipelajari strategi yang digunakan oleh kartunis luar dalam menyampaikan maklumat atau penceritaan kepada pembaca.

Kartun

Kartun secara umum ditakrifkan sebagai lukisan atau ilustrasi yang menceritakan perkara sehari-hari iaitu seperti hal politik, ekonomi, sosial dan sebagainya secara berjenaka. Perkembangan kartun di Malaysia mengikut Mulyadi Mahamood (2012) harus dibahagikan kepada empat era penting, iaitu era perintis (1930-an hingga 1957), era baru (1957 hingga 1970), era kegemilangan (1980-an), dan era pluralis (sejak 1990-an) yang pada dasarnya gaya dan prinsip kartun turut berubah selari dengan perkembangan pemilikan negara, masyarakat, budaya, sosio-politik, teknologi dan media. Ilustrasi kartun yang diterbitkan dalam suratkhbar terdapat dalam kolum yang telah ditetapkan, selain sebagai hiburan kepada pembaca, kartun ini juga bertujuan untuk menyampaikan mesej berbentuk nasihat dan kritikan.

Menurut Mulyadi Mahamood (2004) kartun di Tanah Melayu telah mula diterbitkan sebelum merdeka iaitu awal tahun 1930-an iaitu melalui penerbitan kartun editorial dalam akhbar-

akhbar seperti Warta Jenaka, Majlis dan Utusan Zaman yang kebanyakannya adalah kiriman daripada pembaca berkisar tentang isu sosial dan politik negara pada masa tersebut. Berbeza dengan situasi pada hari ini kartun telah diterbitkan melalui pelbagai media seperti media sosial. Pengkelasan kartun adalah berdasarkan kepada cara penghasilan dan cara penerbitan seperti kartun editorial dan kartun lerang diterbitkan dalam akhbar, manakala penerbitan dalam majalah dan buku dikenali sebagai novel grafik (Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki & Liza Marziana Mohammad Noh, 2019).

Kaedah Langsung dan Kaedah Tak Langsung

Kaedah langsung dan kaedah tak langsung adalah bentuk strategi komunikasi dalam menyampaikan maklumat atau menjelaskan maklumat dengan tujuan tertentu. Dalam kaedah langsung perkongsian maklumat disampaikan secara terus terang tanpa berselindung. Menurut Asmah Hj Omar (2010) kaedah langsung dalam komunikasi adalah kaedah yang meminta atau memberi maklumat secara terus terang tanpa berselindng. Dalam kajian terhadap warkah Melayu lama, Ab. Razak Ab. Karim (2006) turut menggunakan beberapa pendekatan kaedah langsung ini seperti kaedah pernyataan, kaedah perbandingan, kaedah doa, dan kaedah latar (penceritaan semula) dalam meneliti strategi komunikasi yang digunakan dalam warkah Melayu lama. Begitu juga dalam kajian ini, kaedah langsung seperti kaedah pernyataan diteliti berdasarkan ungkapan bahasa yang diujarkan dalam ilustrasi tertentu sebagai strategi komunikasi yang digunakan oleh kartunis dalam menyampaikan mesej kepada pembaca.

Manakala kaedah tak langsung mengikut Asmah Hj Omar (2010) bahawa dalam kaedah ini penutur tidak menyatakan sesuatu dengan berterus terang tetapi berselindung di balik kata, ungkapan atau lakuan bahasa tertentu. Dalam kaedah tak langsung ujaran yang dipaparkan adalah secara berselindung sebagaimana menurut Ab. Razak Ab Karim (2006) kaedah ini adalah sebagai landasan untuk menyampaikan mesej atau penceritaan yang sebenar. Terdapat empat strategi komunikasi dalam kaedah tak langsung seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (1992) iaitu beating about the bush, imagery (kiasan), contradicting (hal yang sebaliknya), dan surrogate (orang perantaraan). Justeru, lakuan bahasa yang menjadi platform penting dalam memberi ketepatan kepada mesej yang disampaikan melalui kaedah tak langsung dapat mencapai komunikasi berkesan.

Metodologi

Metodologi kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif melalui pendekatan deskriptif. Data kajian yang dikumpulkan merupakan data dari karya ilustrasi kartunis Norkamaro Mohd Noor dengan nama pena Maro yang diterbitkan dalam Mingguan Malaysia kolum Malaysia Kita. Terdapat 7 ilustrasi yang digunakan sebagai data dalam kajian ini, yang bertarikh seperti berikut;

1. Ilustrasi 1 - Mingguan Malaysia, 14 Julai 2019
2. Ilustrasi 2 - Mingguan Malaysia, 21 Julai 2019
3. Ilustrasi 3 - Mingguan Malaysia, 15 September 2019
4. Ilustrasi 4 - Mingguan Malaysia, 4 Ogos 2019
5. Ilustrasi 5 - Mingguan Malaysia, 18 Ogos 2019
6. Ilustrasi 6 – Mingguan Malaysia, 25 Ogos 2019
7. Ilustrasi 7 – Mingguan Malaysia, 23 Ogos 2020

Terdapat kekosongan data beberapa bulan pada tahun 2019 dan tahun 2020 kerana pemberhentian operasi dan penerbitan kumpulan Utusan Malaysia sejak 31 Oktober 2019 dan

mula diterbitkan semula pada 20 Julai 2020. Dalam kajian ini data dari ilustrasi 1, 2, 3, 4, dan 7 berkisar kepada isu politik di Malaysia. Manakala ilustrasi 5 dan 6 berkaitan dengan isu sosial yang menceritakan tentang sikap masyarakat Malaysia. Analisis data dilakukan dengan mengenal pasti penggunaan bahasa melalui kaedah langsung dan kaedah tak langsung yang diungkapkan oleh Maro dalam menyampaikan penceritaannya melalui kartun. Berdasarkan penelitian terhadap penggunaan bahasa kartun dalam akhbar, dua kaedah ini dikenal pasti melalui ujaran yang diungkapkan dalam karakter kartun atau ilustrasi yang diberikan kepada karakter kartun tersebut. Pendekatan analisis dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan oleh Asmah Haji Omar (1984 & 1992).

Kaedah Langsung dan Tak Langsung dalam Kartun

Penelitian terhadap kaedah langsung dan kaedah tak langsung dalam setiap ilustrasi kartun ini dilakukan dengan melihat kepada ujaran yang diungkapkan oleh kartunis melalui kartun dan juga ilustrasi kartun tanpa ujaran dalam penyampaian maklumat atau perkongsian maklumat tertentu. Ilustrasi kartun ini walaupun bertujuan untuk menimbulkan humor kepada pembaca malah dapat memudahkan lagi pembaca dalam memahami mesej yang disampaikan tanpa ada tekanan. Ini bersesuaian dengan tujuan kartun adalah untuk menghiburkan pembaca. Perhatikan contoh ilustrasi berikut;




Ilustrasi 1: Mingguan Malaysia, 14 Julai 2019

Dalam ilustrasi 1 di atas, dapat diperhatikan wajah-wajah pemimpin parti-parti politik. Gambaran pemimpin parti yang berbeza ini diperjelaskan oleh kartunis mengikut warna pakaian yang dipakai sebagai mewakili parti yang di pimpin oleh para pemimpin parti iaitu warna biru, hijau, merah dan jingga. Penceritaan melalui ilustrasi ini dapat diperhatikan dari mesej yang ingin disampaikan daripada setiap pemimpin parti melalui ujaran yang diujarkan sebagai gambaran seorang pemimpin yang membawa impian atau objektif parti pimpinan mereka. Ungkapan yang disampaikan dalam ilustrasi kartun ini jelas bahawa masing-masing pemimpin ini menyuarakan perjuangan untuk orang Melayu agar bersatu demi kelangsungan kehidupan orang Melayu dan bersatu demi agama. Namun sindiran kepada pemimpin yang hanya mementingkan kedudukan dalam parti yang hanya mempunyai cita-cita peribadi menjadi parasit kepada masyarakat dan parti.

Kartunis melalui penggunaan bahasa telah memberi gambaran bahawa setiap pemimpin parti telah mengujarkan kata-kata yang bersemangat iaitu dengan mensasarkan orang Melayu agar sama-sama bersatu. Namun terdapat pemimpin yang tidak tahu hal tuju yang perlu di bawa dalam mengetuai suatu parti yang telah di pilih oleh rakyat. Penyampaian mesej melalui ilustrasi kartun ini, dapat diperhatikan kritikan yang diberikan kepada para pemimpin kerana melalui kartun menurut Mulyadi Mahamood (2012) dapat menyampaikan mesej dan kritikan sosial dengan berkesan yang boleh berubah sepanjang masa dan dipengaruhi oleh faktor persekitaran, sosio-politik, undang-undang dan pemilikan media. Justeru, strategi komunikasi yang digunakan oleh kartunis Maro melalui kaedah tak langsung ini merupakan dalam bentuk sindiran kepada para pemimpin yang tidak mempunyai misi yang ingin dibawa untuk membangunkan rakyat dan negara. Bahkan penyampaian mesej ini bukan sahaja ditujukan kepada pemimpin sahaja, tetapi adalah untuk kepada para pembaca juga agar sentiasa mengambil tahu tentang matlamat pemimpin yang dipilih oleh mereka.



Ilustrasi 2: 21 Julai 2019



Ilustrasi 3 – Mingguan Malaysia, 15 September 2019

Dalam ilustrasi 2 di atas dapat diperhatikan kartunis memberi perkongsian tentang kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah dijanjikan jawatan sebagai perdana Menteri untuk menggantikan Tun Dr Mahathir Muhammad setelah Tun bersedia melepaskan jawatan tertinggi negara tersebut. Penyampaian kartunis dalam memberi sindiran tentang kedudukan Anwar Ibrahim yang masih samar setelah menunggu hampir 2 tahun. Dengan latar fizikal jelas menunjukkan ada rostrum tempat individu tersebut berucap dengan wartawan mengajukan pertanyaan untuk mendapatkan komen iaitu “Datuk Seri Azmin cakap...tengok cermin dulu! Apa komen Datuk Seri? Melalui dua gambaran individu ini jelas memberi maksud akan keinginan Datuk Seri untuk memastikan kedudukan dan impian untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-8.

Manakala dalam ilustrasi 3 isu yang disampaikan masih memberi sindiran akan kedudukan Anwar. Dalam latar fizikal yang menunjukkan suasana tidak formal antara Tun Mahathir dengan Datuk Seri Anwar tentang kekosongan kerusi Perdana Menteri. Malah ujaran “Sorry...tidak kosong” oleh karektor Tun adalah tentang kekosongan kerusi di kabinet untuk Anwar juga tiada dan pertanyaan “Yang tuu...bila kosong?” oleh karektor Anwar menunjukkan keinginan beliau untuk duduk di kerusi Perdana Menteri.

Justeru ini adalah sindiran kepada ahli politik yang masih mengejar kedudukan yang tinggi walaupun itu hanyalah angan-angan sahaja. Bahkan penyampaian mesej melalui kartun juga dikatakan dijadikan sebagai alat propaganda dengan mesej yang diterima oleh pembaca (Syaza Marina Ramli & Mokhtar Muhammad, 2019). Oleh yang demikian, strategi komunikasi melalui gabungan kaedah langsung dan kaedah tak langsung dalam ilustrasi 2 dan ilustrasi 3 adalah suatu sindiran kepada pemimpin politik yang masih tergilagilakan tempat dan kuasa sedangkan rakyat sudah tidak dapat menerima pemimpin sedemikian. Penyampaian mesej di sini juga adalah untuk memastikan juga pembaca yang juga individu yang berkuasa untuk memilih pemimpin agar sedar dengan sikap ahli-ahli politik.



Ilustrasi 4: 4 Ogos 2019


Berdasarkan pemerhatian terhadap ilustrasi 3 di atas, dalam latar fizikal yang digambarkan oleh kartunis di sebuah warung. Ini juga dapat dilihat dalam latar suasana tidak formal terdapat dua orang pemeran yang sedang minum di warung sambil berbual tentang isu semasa. Daripada ujaran dua orang pemeran ini jelas bahawa perbualan mereka adalah berkisar tentang kedudukan Perdana Menteri Malaysia sekarang iaitu Tun Dr Mahatir Muhammad. Dalam ujaran tersebut secara bersahaja pemeran menyatakan bahawa Tun M akan memegang jawatan Perdana Menteri untuk tempoh 5 tahun lagi walaupun dinyatakan hanya dalam tempoh dua – tiga tahun lagi. Walaupun isu ini dikongsikan sebelum berlaku pertukaran Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, namun perkongsian ini memberi gambaran seperti yang dinyatakan oleh Syaza Marina Ramli & Mokhtar Muhammad (2019) bahawa ilustrasi kartun dengan ungkapan atau ujaran dapat menyampaikan agenda politik dengan jelas kepada pembaca.

Kartunis Maro menggunakan strategi komunikasi melalui penggunaan kaedah tak langsung dalam ilustrasi 4 ini sebagai sindiran kepada pemimpin yang dimaksudkan. Malah mesej yang disampaikan ini mudah untuk difahami oleh pembaca melalui ungkapan yang ringkas tetapi padat dengan perjelasan tentang kuasa politik yang digilai oleh para pemimpin. Ungkapan yang disampaikan dalam ilustrasi ini dapat menjelaskan secara sindiran bahawa tidak selamanya pemimpin itu berada di atas kerana masa akan menentukan kedudukannya sama ada masih

mendapat tempat dihati rakyat atau sebaliknya.



Ilustrasi 5: 18 Ogos 2019




Ilustrasi 6: 25 Ogos 2019

Berdasarkan ilustrasi 4 di atas, dapat diperhatikan tentang gambaran sinis yang diberikan terhadap sikap masyarakat yang tidak sensitif terhadap suatu perkara seperti perlembagaan negara. Individu sedemikian amat mudah dan bebas dalam menghina perkara yang telah termaktub dalam perlembagaan. Malah isu sedemikian menjadi satu medium untuk mereka meraih glamor dari masyarakat.

Manakala dalam ilustrasi 5 di atas pula, dapat diperhatikan dalam latar suasana untuk meraikan hari kemerdekaan masyarakat berbilang bangsa masing-masing sibuk untuk sama-sama mengibarkan bendera Malaysia. Semua bangsa meletakkan kedudukan mereka di bawah satu bendera Jalur Gemilang. Namun demikian berdasarkan ilustrasi ini dapat dilihat ada sindiran yang ingin disampaikan kepada individu dan pihak tertentu yang secara sengaja memperlekehkan kedudukan bendera kita. Malah ada pihak tertentu telah dengan sengaja memasang bendera secara terbalik. Ini dapat dijelaskan dari ujaran dalam ilustrasi 5 iaitu "Takpelah sebut terbelit, janji jangan pasang terbalik". Ujaran ini adalah satu bentuk sindiran kepada pihak yang dituju yang disampaikan melalui medium perantaraan.

Namun demikian, atas keprihatian pihak tertentu terhadap penghinaan yang diujarkan oleh individu tersebut seperti berkaitan tentang orang Melayu, agama Islam, kedudukan Raja-Raja Melayu dan sebagainya maka laporan polis dilakukan. Individu berkenaan dengan mudah hanya memohon maaf. Bahkan perkongsian mesej melalui ungkapan dalam ilustrasi kartun ini masih mengambil fungsi seperti kartun editorial yang diterbitkan sejak tahun 1930-an yang menjadi sebahagian luahan rasa, kritikan dan teguran kepada masyarakat walaupun apa masa tersebut mengikut Noorhazalen Saad et al (2019)) teguran adalah tertumpu kepada pembaca Melayu tentang masalah sosio-budaya. Ini kerana melalui kritikan demikian yang menjadi strategi komunikasi kaedah langsung dapat memastikan agar setiap individu itu perlu mempunyai sikap sensitiviti terhadap agama dan kaum-kaum yang ada di negara ini. Begitu juga perlunya pembaca sentiasa menjaga kepentingan dan kesucian lambang negara iaitu Jalur Gemilang agar tidak ada individu yang berani melakukan penghinaan terhadap lambang negara

ini yang juga milik semua masyarakat Malaysia.



Ilustrasi 7 – Minggu Malaysia, 23 Ogos 2020

Berdasarkan ilustrasi 7 pula, tanpa ada ujaran atau ungkapan yang diberikan namun isu yang ingin dikongsikan sangat mudah untuk difahami. Isu ini memberi gambaran tentang parti-parti politik yang bergabung dalam mencapai persetujuan demi rakyat dan negara. Walaupun gabungan ini hanya melibatkan tiga parti iaitu Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), United Malays National Organisation (UMNO) dan Parti Islam Semalaysia (PAS) tetapi daripada gabungan ini dapat membentuk Muafakat Nasional yang memberi makna yang besar kepada semua pihak. Rakyat amat mengharapkan dengan gabungan dan percampuran ini akan menghasilkan suatu kerjasama yang dapat dinikmati oleh pemimpin dan rakyat.

Perkongsian dalam ilustrasi 7 ini selain sebagai pemakluman tentang penggabungan parti tersebut yang ditunjukkan melalui sebuah cawan yang didalamnya ada air dan gula yang mewakili tiga parti yang berbeza. Ini kerana menurut Iro Sani et al (2012) kartun merupakan salah satu media penggunaan bahasa yang paling strategik dan penting untuk menyebarkan maklumat dan mengubah arah masyarakat mengenai isu-isu semasa yang mencerminkan persamaan sosial masyarakat tertentu pada waktu tertentu. Bahkan ilustrasi ini juga adalah sebagai suatu bentuk kritikan kepada setiap pemimpin parti agar menjadikan gabungan parti ini benar-benar dapat menyelami erti sebenar matlamat pembentukan parti baru kerana ada anasir-anasir yang akan berusaha untuk menggagalkan penggabungan parti ini. Justeru, strategi komunikasi melalui kaedah langsung ini adalah sebagai pemberitahuan dan penjelasan kepada pembaca tentang penggabungan parti politik terutamanya dalam memastikan kepentingan rakyat diutamakan dengan penggabungan parti ini.

Kesimpulan

Ilustrasi kartun oleh seorang kartunis mempunyai strategi komunikasi demi memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat difahami oleh pembaca. Dalam kajian ini dapat diperhatikan bahawa kartunis menggunakan kaedah langsung dan kaedah tak langsung. Justeru, penggunaan bahasa melalui dua kaedah ini adalah merupakan suatu strategi komunikasi dalam suatu peristiwa bahasa seperti dalam ilustrasi kartun yang memerlukan penelitian yang mendalam dalam memahami maksud yang ingin disampaikan oleh seorang kartunis. Ini kerana terdapat

ilustrasi yang menyampaikan penceritaan secara terus terang dan ada juga sebaliknya. Berdasarkan ilustrasi yang telah diteliti didapati penggunaan bahasa secara sindiran iaitu kaedah tak langsung melalui medium perantaraan ini kerap digunakan oleh kartunis sebagai perkongsian maklumat atau penceritaan. Malah menurut Asmah Hj Omar (1984), kaedah tak langsung merupakan suatu peraturan interaksi dalam budaya masyarakat di Malaysia terutamanya orang Melayu. Ini kerana dalam menyampaikan mesej melalui kaedah tak langsung dapat melindungi pihak yang terlibat agar tidak menjatuhkan air muka orang tersebut. Bahkan melalui ilustrasi kartun ini juga menjadi perantaraan kepada pembaca untuk memahami dan mengetahui situasi semasa yang berlaku di negara ini dalam bentuk yang mudah dan santai. Kajian dalam penelitian terhadap kartun masih kurang diberi perhatian oleh pengkaji bahasa, banyak lagi isu bahasa yang perlu diberi tumpuan dalam ilustrasi kartun.

Rujukan

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman, Huzaiman Hashim. (2016). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun Dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2, no. 1: 128-140.
- Asmah Haji Omar. (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2010). *Temu Duga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayesha Ashfaq. (2019). A Study of International Issues Through Cartoon Communication: The Cases of Pakistan And Norwegian Newspapers from September 2008 To February 2009. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*. Jilid 28(1): 55-76.
- Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun. (2019). Kartun Bertemakan Dakwah Islamiyah Atas Talian: Interpretasi Dakwah Satira dan Sarkastik. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. Vol1: 50-61.
- Fahmi Faiz. Mamak Cyber Kritik Sambil Membina Minda. *Mingguan Malaysia*. 20 September 2020: 29.
- Fahmi Faiz. Kartunis Perakam Kehidupan. *Mingguan Malaysia*. 30 Ogos 2020: 29.
- Iro Sani, Mardziah Hayati Abdullah, Faiz Sathi Abdullah dan Afida Mohamad Ali. (2012). Political Cartoons as a Vehicle of Setting Social Agenda: The Newspaper Example. *Asian Social Science*. Vol. 8, No. 6; May.
- Muliyadi Mahamood. (2012). The Role Of Cartoon In The Formation Of Asian Community: Art History Analysis. *International Journal of History Education*, Vol. XIII, No. 1: June.
- Muliyadi Mahamood. (2004). *The History of Malay Editorial Cartoons (1930s-1993)*. Utusan Publication & Distributions Sdn. Bhd.. Kuala Lumpur.
- Muliyadi Mahamood. (1997). The Development of Malay Editorial Cartoons. *Southeast Asian Journal of Social Science* Vol. 25, No. 1, pp. 37-58.
- Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki dan Liza Marziana Mohammad Noh. (2019). Zunar dan Kartun. *Jurnal Inspirasi Seni Intelektual*. Julai Melaka: UITM.
- Norzaliza Ghazali, Maizatul Azura Haji Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Fatinah Zainon. (2018). Perpaduan Dalam Seni Lukis Kartun: Analisis Semiotik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Volume 3, No. 11: 30 to 41.

- Provencher. R. (1997). Everyday Life in Malaysia: Representations of Social Relationships in Malay Humour Magazines. *Southeast Asian Journal of Social Science* Vol. 25, No. 1, pp. 11-36.
- Rohani Embong, Hanita Hassan, Noor Aireen Ibrahim. (2016). The Representations of Leadership by Example in Editorial Cartoons. *Malaysian Journal of Communication* 32, no. 1 (2016): 625-650.
- Roslina Mamat, Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, dan Roswati Abdul Rashid. (2019). Perkembangan Komik dan Animasi: Satu Kajian Perbandingan antara Melayu dan Jepun. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* Jilid 35(2): 260-276
- Sato Hirobumi. (1997). Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah
- Syaza Marina Ramli dan Mokhtar Muhammad. (2019). Cartoon Controversy: Semiotic Analysis of Political Cartoon by Zunar Portraying the Issue of 1Malaysia Development Berhad (1MDB). *Journal of Media and Information Warfare*. June, Vol. 12 (1), 73-116.